

Prihatin

Berita SPANCO Jilid 4 2006



SUHAIMI BERHASRAT Percepatkan Lagi Penghantaran Kenderaan

- **MENGURANGKAN KERUGIAN SETELAH KEMALANGAN**
- **PENJAGAAN TAYAR YANG MUDAH DAN BERKESAN**

ISSN 1675-1361



9 771675 136103

Servis Bermutu Prestasi Terunggul

Pusat Servis Wilayah di Batu Caves menepati piawaian mutu tertinggi yang ditetapkan oleh SPANCO. Ia memiliki peralatan baik pulih automotif terkini yang dikendalikan oleh pakar yang berpengalaman, antaranya:



■ PENGANALISIS ENJIN BERKOMPUTER

Untuk menganalisis prestasi sistem pembakaran dan bahan api kenderaan.



■ PENGUJI DIAGNOSTIK BERKOMPUTER MUDAH ALIH

Mengesan, merekod dan membetulkan kerosakan pada sistem elektronik serta menguji komponen penggerak kereta.



■ ALAT PAM MINYAK ENJIN PNEUMATIK & PENGUMPUL SISA

Menyedut keluar minyak enjin yang sudah digunakan terus ke dalam bekas pengumpul sisa minyak.



■ DISPENSER MINYAK ENJIN

Memastikan kebersihan persekitaran melalui penuangan minyak enjin tanpa tumpahan.



■ ALAT PENJAJARAN RODA BERKOMPUTER

Untuk pelarasan tepat sistem geometri stereng.



■ PENGUJI BREK BERKOMPUTER

Menguji brek tanpa perlu memandu di atas jalan (*on the road test*).



■ PENGECAS GAS PENDINGIN UDARA AUTOMATIK

Untuk vakum pantas dan cas semula gas pendingin udara.



■ PAM AIR BERTEKANAN TINGGI

Untuk pencucian bahagian enjin dan badan kenderaan yang lebih bersih dan cepat.

■ RUANG ISTIRAHAT BERHAWA DINGIN

Dilengkapi televisyen berskrin lebar dan dispenser minuman layan diri. Sementara kereta diservis atau dibaiki, pelanggan boleh menunggu sambil menikmati minuman ringan, bahan bacaan dan siaran ASTRO yang disediakan.



PENAUNG

Dato' Hamzah Mohd Salleh

SIDANG PENGARANG

Mohd Wazir Ahmad Kassim

Rusman Bassri

Sharon Ng

PENERBIT

SPANCO Sdn Bhd (172957-U)

2, Jalan Murai Dua

Batu Complex

51100 Kuala Lumpur.

Tel : 03-6253 2888

Faks : 03-6253 0623

emel : prihatin@spanco.com.my

Laman web : www.spanco.com.my

PENCETAK

Percetakan Lai Sdn Bhd

No. 1, Persiaran 2/118C

Kawasan Perindustrian Desa Tun Razak

Cheras, 56000 Kuala Lumpur.

Tel : 03-9173 1111

Fax : 03-9173 1969

PERUNDING PENERBITAN

Executive Mode Sdn Bhd (317453-P)

Kami bersedia menerima sebarang bentuk sumbangan karya untuk dipaparkan di dalam majalah PRIHATIN-Berita SPANCO.

Bahan penulisan hendaklah disertakan sekali dengan nama, alamat dan nombor telefon penulis. Sidang Pengarang berhak melakukan penyuntingan sebelum karya diterbitkan.



10



15



17



21

PERUTUSAN

- 4 Menghadapi Cabaran Seterusnya

KORPORAT

- 5 Amaran Kepada Pesalah Trafik: Kamera Pengawasan Dipasang 2007

- 6 Purata Kos Baik Pulih Musim Perayaan Tinggi

- 8 Suhaimi Berhasrat Percepatkan Lagi Penghantaran Kenderaan

KESELAMATAN

- 10 Ops Terkini Secara Purata Tunjuk Pencapaian

- 12 Mengurangkan Kerugian Setelah Kemalangan

- 14 Mengekori Terlalu Rapat Mengundang Bahaya

- 15 Gangguan Perhatian Penyebab Utama Kemalangan

- 16 Garis Panduan Pengguna Jalan Raya Dalam Situasi Jerebu

- 17 Hindari Kecurian Kereta

KESIHATAN

- 18 Penglihatan Yang Jelas Penting Untuk Pemanduan Yang Selamat

- 19 Petua Melihat Dengan Baik

PENJAGAAN KERETA

- 20 Penjagaan Tayar Yang Mudah Dan Berkesan

- 21 Satu Dari Empat Tayar Berbahaya

- 22 Hilang Kunci Melibatkan Kos Yang Tinggi



Peter Lim
Pengurus Besar, Operasi Servis



Putra Mashordin Jumat
Pengurus, Khidmat Pelanggan



Lt. Kol. (B) Haji Safii Mohammad
Pengurus Cawangan, Bangi



Mohd Suhaimi Hashim
Pengurus, Pembekalan



Azahari Md Lazim
Penolong Pengurus, Kawalan Senggaraan



Mohd Wazir Ahmad Kassim
Penolong Pengurus, Pusat Servis Batu Caves

MENGHADAPI CABARAN SETERUSNYA

BAGI tahun 2006, Dasar Ekonomi Baru (DEB) adalah antara topik yang hangat dibahaskan. Ketidakpastiannya kini sudah pun terjawab apabila Kerajaan memutuskan untuk melanjutkan tempoh pelaksanaan sehingga setiap objektif tercapai.

Sebagai badan korporat yang peka terhadap sejarah di sebalik dasar itu, SPANCO menyokong penuh langkah Kerajaan meneruskan DEB. Matlamat murni antaranya untuk mengurangkan jurang kemiskinan dan mengagihkan kekayaan dengan lebih saksama tidak harus sama sekali diragui dan dipertikaikan oleh kita semua.

Dalam pada itu, cabaran terbesar yang dihadapi SPANCO sepanjang 2006 ialah pertamanya, untuk menangani kejatuhan harga kereta terpakai. Penguatkuasaan Dasar Automotif Negara awal tahun ini secara tidak langsung menyebabkan hampir keseluruhan kereta yang tamat pajakan sukar dilupuskan pada harga yang munasabah.

Institut Kajian Ekonomi Malaysia pula melaporkan industri automotif negara akan mengambil masa untuk pulih selepas tempoh penyelarasan harga yang sukar. Justeru SPANCO memohon kerjasama Kerajaan supaya memahami kesukaran yang dihadapi oleh kami untuk bersama-sama menanganinya dengan bijaksana dan penuh permuafakatan.

Cabaran kedua ialah dalam menguruskan kadar kemalangan dan saman trafik yang tinggi. Maklumat yang diterima jelas menunjukkan purata yang masih membimbangkan. Kadar kemalangan fleet Kerajaan Persekutuan untuk 10 bulan pertama 2006 ialah 3 kemalangan bagi setiap 10 buah kereta. Untuk laporan terperinci sila ke halaman 6 dan 7.

Beralih ke cabaran yang seterusnya iaitu untuk mempertingkatkan tahap perkhidmatan kami pada 2007 dan berikutnya. Walaupun maklum balas yang diterima setakat ini agak memuaskan, namun tidak bermakna Per-

khidmatan Fleet Profesional harus berpuas hati. Pencapaian itu tidak sepatutnya menghalang rakan sekerja untuk terus memperbaiki dan memperbaharui komitmen dalam memenuhi lebih banyak permintaan pelanggan.

Selain itu, SPANCO juga akan komited untuk terus bekerjasama dengan pelbagai pihak seperti Perbendaharaan, Kementerian-Kementerian Kerajaan dan Jabatan Keselamatan Jalan Raya dalam usaha memerangi secara lebih agresif peningkatan jumlah kemalangan jalan raya dan kesalahan lalu-lintas.

Mengenai jumlah kemalangan yang bertambah walaupun pelbagai kempen kesedaran dilaksanakan, kita semua harus mengakui bahawa terdapat kaitan langsung antara kelajuan kenderaan dan kadar kemalangan. Kami akan berusaha dengan lebih giat lagi untuk meningkatkan kesedaran itu di kalangan pelanggan SPANCO pada tahun hadapan.

Sekian. Selamat tahun baru.

Dato' Hamzah Mohd Salleh
Ketua Pegawai Eksekutif



Amaran kepada pesalah trafik: Kamera pengawasan dipasang 2007



ANDA DIPERHATI... Sebanyak 700 buah kamera akan dipasang di jalan raya seluruh Malaysia bermula tahun depan.

AWAS! Pesalah trafik akan dipantau 24 jam melalui kamera apabila langkah yang lebih drastik diperkenalkan bagi meningkatkan keselamatan jalan raya ke tahap yang lebih tinggi.

Dalam usaha mengurangkan kemalangan jalan raya dan kematian akibat nahas, Kementerian Pengangkutan akan memasang lebih 700 buah kamera pengawasan di lokasi strategik dan kawasan gelap di seluruh negara bermula pertengahan 2007.

Pemasangan kamera akan dilaksanakan dalam tiga fasa sehingga 2010 di bawah Sistem Penguatkuasaan Automatik (AES). Kamera pengawasan bertujuan menangkap pemandu kenderaan dan penunggang motosikal yang melakukan kesalahan lalu lintas.

Sebelum ini, sistem televisyen litar tutup (CCTV) digunakan oleh beberapa syarikat lebuh raya untuk pemantauan dan kegunaan dalaman sahaja. Ia bukan untuk tujuan penguatkuasaan seperti yang akan dilaksanakan nanti.

Sehubungan itu Akta Pengangkutan Jalan Raya akan dipinda bagi membenarkan semua keterangan seperti gambar dan maklumat yang diambil melalui kamera itu boleh diterima oleh mahkamah sebagai bukti.

Kamera digital akan dipasang di lampu isyarat, lebuh raya, jalan persekutuan dan negeri selain akan berfungsi 24 jam sehari, tujuh hari

seminggu dan sepanjang tahun. Di samping itu Unit Pengawasan Kamera Bergerak akan diwujudkan dan dikerahkan ke lokasi tertentu untuk memantau pemandu dan pengguna jalan raya.

Melalui AES, kamera akan memerhati setiap pergerakan kenderaan dan mencatatkan kelajuan. Seterusnya maklumat akan dihubungkan ke pusat kawalan yang akan mengenal pasti kenderaan yang melakukan kesalahan.

Jika kesalahan di bawah mana-mana undang-undang lalu lintas sudah dipastikan, maka saman akan dikeluarkan dan dihantar oleh agensi penguatkuasaan kepada pemilik kenderaan melalui pos.

Sistem itu terbukti berjaya meniadakan pelanggaran pemandu dan pengguna jalan raya di Australia, Amerika Syarikat, China dan Korea Selatan di mana kadar kesalahan lalu lintas didapati berkurangan kira-kira 40 peratus.

AES ialah antara empat projek yang dicadangkan di bawah Pelan Induk Keselamatan Jalan Raya 2006-2010. Projek lain membabitkan program dalam pendidikan, penguatkuasaan, kejuruteraan dan perlindungan alam sekitar.

Sistem Penguatkuasaan Secara Automatik

FASA PERTAMA	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pemasangan sebuah kamera pengawasan di lebuh raya dan jalan perbandaran. 2. Pemantauan terhadap pematuhan had laju dan lampu trafik sahaja.
FASA KEDUA	Pemasangan kamera diperluaskan di semua lebuh raya, jalan perbandaran, persekutuan dan negeri.
FASA KETIGA	Pemantauan kesalahan yang lebih terperinci seperti memotong di garisan berkembar, menggunakan lorong kecemasan dan lain-lain.

PURATA KOS BAIK PULIH

Musim Perayaan Tinggi

KOS baik pulih bagi kemalangan fleet Persekutuan pada musim perayaan yang lalu didapati tinggi berbanding hari biasa dan musim-musim perayaan sebelumnya.

Purata kos pembaikan mencecah lebih RM5 ribu setiap kes iaitu sebanyak **RM5,404.69** antara 17 dan 31 Oktober 2006 berbanding RM3,901.83 bagi tempoh 27 Oktober hingga 10 November 2005.

Tarikh itu mewakili Ops Sikap XI dan IX yang dilaksanakan seiring perayaan Deepavali dan Aidilfitri. Kempen membanteras kemalangan dikendalikan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) pada setiap musim perayaan.

Bagaimanapun jumlah kemalangan fleet seliaan SPANCO menunjukkan penurunan berbanding musim perayaan sebelum ini walaupun perangkaan kemalangan Kebangsaan didapati meningkat di seluruh negara bagi tempoh yang serupa.

Sebanyak 21 kes kemalangan melibatkan fleet Kerajaan Persekutuan dicatatkan pada musim perayaan

2006 di seluruh negara berbanding 46 kes pada 2005. Sebagai perbandingan, peringkat kebangsaan mencatatkan masing-masing 15,716 dan 13,659 kes.

Daripada jumlah itu, jenis kemalangan yang paling kerap menimpa fleet ialah kerosakan sendiri iaitu sebanyak 6 kes yang menelan belanja berjumlah RM26,814.91 untuk dibaiki.

Ia diikuti oleh kes kena langgar sebanyak 5 kemalangan dengan kos baik pulih sebanyak RM28,895, *knock-for-knock* (5 kes, RM21,909.84), kerosakan harta pihak ketiga (4, RM29,627.68) dan kerosakan ketika meletakkan kereta (1, RM6,250.58).

Namun tiada maklumat saman fleet untuk musim perayaan lalu dibekalkan oleh PDRM. Di peringkat Kebangsaan, notis kesalahan yang dikeluarkan di seluruh negara ialah sebanyak 140,936.

Berita yang menggembirakan ialah tiada kemalangan jiwa berlaku membabitkan fleet sepanjang Ops Sikap XI. Sebelum ini, dua anggota Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) maut dalam sebuah kemalangan


Bagaimanapun jumlah kemalangan fleet seliaan SPANCO menunjukkan penurunan berbanding musim perayaan sebelum ini walaupun perangkaan kemalangan kebangsaan didapati meningkat di seluruh negara bagi tempoh yang serupa.

pada 28 Oktober 2005.

Kesemua perangkaan disediakan oleh sistem maklumat bersepadu yang digunakan oleh Pengurusan Fleet SPANCO. Melalui pautan sistem maklumat komputer itu, sebarang data kenderaan fleet mampu dicapai pada bila-bila masa bagi menyediakan laporan yang terperinci dan terkini untuk mana-mana jabatan mahupun Kementerian.

Untuk mengetahui perangkaan Ops Sikap XI peringkat Kebangsaan, sila ke muka surat 10 dan 11.

Jadual I - Kemalangan dan kos pembaikan fleet Kerajaan Persekutuan bagi musim perayaan



Jadual II - Sepuluh Jenis Kemalangan Dengan Kes Tertinggi (Januari – Oktober 2006)

Bil.	Jenis	Jumlah Kes	Jumlah Kos
1	Kerosakan Harta Pihak Ketiga	163	RM 1,172,000
2	'Knock for knock'	160	RM 783,100
3	Kemalangan Sendiri	129	RM 1,478,300
4	Kemalangan di tempat Memakir	95	RM 338,000
5	Kena Langgar	84	RM 505,500
6	Langgar Binatang	16	RM 103,800
7	Lupus	14	RM 517,400
8	Kecederaan Pihak Ketiga	5	RM 12,800
9	Kecurian	5	RM 263,700
10	Kecurian (Aksesori)	3	RM 17,000



Statistik 10 Bulan Pertama

Dalam pada itu, jumlah kereta di dalam fleet Kerajaan Persekutuan yang diuruskan Pengurusan Fleet Profesional SPANCO terus bertambah setiap bulan.

Penambahan jumlah kereta yang digunakan oleh jabatan dan kementerian adalah seiring keperluan dan komitmen Kerajaan Malaysia untuk meningkatkan tahap perkhidmatan kepada orang ramai.

Setakat Oktober, sebanyak 5,482 buah didaftarkan di mana 1,485 adalah kereta rasmi manakala se-

lebihnya iaitu 3,997 kereta jabatan.


Dari jumlah itu, 2,719 buah adalah dari jenis Proton Wira, 1,137 Perdana Standard, 967 Iswara, 344 Perdana Executive, 311 Waja dan 4 Waja Chancellor.

Sementara itu, jumlah kemalangan yang dicatatkan dari Januari hingga Oktober tahun ini ialah **1,616** yang keseluruhannya menelan kos pembaikan sebanyak **RM5.19 juta**, (rujuk Jadual III).

Kadar kemalangan iaitu jumlah kemalangan berbanding jumlah kereta ialah 29.48 peratus atau

hampir 3 kemalangan bagi setiap 10 buah kereta. Secara perbandingan kadar kemalangan bagi tempoh yang sama untuk 2005 ialah 29.17 peratus dan 2004 ialah 31.10 peratus.

Purata sebanyak RM3,212.62 di-belanjakan untuk membaiki setiap kerosakan akibat kemalangan antara Januari dan Oktober. Purata pembaikan kemalangan bagi tempoh yang serupa untuk 2005 dan 2004 ialah masing-masing pada RM3,717.85 dan RM3,463.89.

Jadual III - Perbandingan sepuluh bulan pertama (2004 - 2006)

Saman

Tiada data saman dibekalkan oleh PDRM semenjak Cawangan Trafik Bukit Aman mengenakan syarat baru untuk mendapatkan maklumat.

Bagaimanapun rekod terakhir menunjukkan daripada sejumlah lebih 40 ribu saman yang diterima oleh fleet Kerajaan sejak 2004, hanya 2,328 sahaja yang berjaya diselesaikan oleh jabatan dan kementerian yang terbabit setakat Julai 2006.

TIDAK KETARA... Jumlah perbelanjaan membaiki kemalangan turun sedikit bagi 10 bulan tahun ini walaupun jumlah kemalangan meningkat.

SUHAIMI BERHASRAT

Percepatkan Lagi Penghantaran Kenderaan

MENGHANTAR kereta yang dipesan kepada pelanggan secepat yang mungkin - itulah antara matlamat utama Bahagian Pembekalan diwujudkan di SPANCO.

Bagi Syarikat Pengurusan Fleet Profesional itu, pembekalan kereta sememangnya tunggak utama perkhidmatan. Untuk itu, Bahagian Pembekalan bertindak membekalkan kenderaan kepada pelanggan selain menguruskan perkara berkaitan lesen sewa pandu dan pembaharuan cukai jalan.

Menurut Pengurusnya, Encik Mohd Suhaimi Hashim, Bahagian Pembekalan juga berperanan menyediakan perkhidmatan pembatalan lesen sewa pandu dan cukai jalan untuk pegawai-pegawai Kerajaan yang layak membeli kereta semasa persaraan di bawah skim 'option-to-purchase' (OTP).

Selain beliau, empat rakan sekerja yang lain turut membantu di bahagian ini. Mereka rata-rata berpengalaman dalam selok-belok pembekalan kereta termasuk tugas berurusan dengan Jabatan Kastam dan Eksais, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan PUSPAKOM selain pembekal kenderaan nasional iaitu Proton Edar dan EON.

Matlamat utama unit itu, kata Encik Suhaimi ialah untuk mencapai sasaran jumlah kereta yang diserahkan kepada pelanggan seperti yang ditetapkan setiap bulan. Namun ada ketika sasaran sukar dicapai kerana beberapa masalah tertentu yang sebenarnya boleh ditangani jika semua pihak bekerjasama.

Bagi beliau sendiri, tugas menguruskan pembekalan kereta memang mencabar dan menyeronokkan. Satu kepuasan peribadinya ialah apabila setiap kali melihat pelanggan bergembira menerima kenderaan yang dipesan dalam keadaan baik dan bersih.

Seterusnya beliau berhasrat untuk

memperbaiki lagi tempoh penghantaran iaitu dari masa pesanan diterima daripada Kementerian Kewangan sehingga kereta diserahkan kepada pelanggan di jabatan dan Kementerian Kerajaan Persekutuan.

CABARAN

Encik Suhaimi yang berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan menyertai Pengurusan Fleet Profesional pada 1997. Sebelum itu, anak kelahiran Pekan, Pahang ini pernah bertugas di Sime Hyundai Wood Industries iaitu sebuah kilang usaha sama antara Sime Darby Berhad dan Hyundai Wood Industries dari Korea.

Sebelum dipertanggungjawabkan untuk menerajui Bahagian Pembekalan pada Januari 2006, beliau yang cukup gemar bermain golf ini memegang beberapa jawatan antaranya di bahagian Perdagangan, Operasi dan Korporat.

Menurut Encik Suhaimi, antara masalah yang dihadapi oleh bahagian

ini ialah dalam membekalkan kereta gantian untuk pesanan kenderaan yang telah tamat tempoh pajakan. Mengikut perjanjian, kereta-kereta yang digunakan oleh jabatan dan kementerian perlu dipulangkan dan diganti dalam tempoh 4-5 tahun

Bagi memudahkan pelanggan, Encik Suhaimi meminta kerjasama supaya mereka dapat mengisi borang pesanan untuk penggantian sekurang-kurangnya enam bulan sebelum tarikh tamat pajakan.

mengikut model yang telah diluluskan Kerajaan.

Selain itu kemungkinan warna kenderaan yang diminta tiada dan pihak pembekal terpaksa mengecat kereta seperti yang dikehendaki pelanggan. Semua ini akan mengambil masa yang agak panjang dan



TERIMA KASIH... Dzul (kanan), seorang pemandu dari Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi gembira menerima kunci Proton Perdana Executive daripada Encik Suhaimi.

melambatkan proses penghantaran kereta. Pembekal pula hanya akan mengecat kereta dengan warna yang dikehendaki apabila jumlah minimum pesanan untuk satu-satu warna dicapai.

Di samping itu ialah masalah pesanan kereta masih tidak dibuat atau diterima oleh pembekal walaupun kereta sudah diperuntukkan mengikut tarikh tamat pajakan. Ini disebabkan kelewatan pelanggan menghantar borang pesanan untuk kereta gantian. Kesudahannya kereta terpaksa dilepaskan oleh pembekal kerana melebihi tempoh bebas cukai eksais iaitu sebulan.

Sementara itu, terdapat kes di mana penyerahan kereta terpaksa dijadualkan semula untuk memenuhi permintaan nombor plat pilihan. Penukaran nombor plat lama kepada kereta baru (*interchange*) misalnya memerlukan kesepakatan pelbagai pihak terutama pelanggan, pembekal, PUSPAKOM dan JPJ.

Bahagian Pembekalan kerap kali menghadapi masalah dalam menyelaraskan urusan pertukaran itu kerana pihak terbabit tidak dapat mencapai persetujuan terhadap masa dan tarikh ia patut dilakukan.

Pesanan kepada Pelanggan dan Pembekal


Bagi memudahkan pelanggan, Encik Suhaimi meminta kerjasa supaya mereka dapat mengisi borang pesanan untuk penggantian sekurangnya enam bulan sebelum tarikh tamat pajakan.

'Tanpa borang pesanan kenderaan yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan, SPANCO tidak dapat membuat pesanan kepada pembekal sama ada Proton Edar mahupun EON,' jelas Encik Suhaimi.

Borang pesanan itu juga diperlukan untuk permohonan pelepasan cukai eksais daripada Jabatan Kastam.

Selain itu bagi pengguna baru yang akan dibekalkan dengan kereta Proton Perdana pula, diharapkan mereka dapat menyediakan surat nombor tawaran yang dikeluarkan oleh JPJ jika mahu kereta tersebut didaftarkan dengan nombor pilihan.

Encik Suhaimi menerangkan aturan proses yang perlu dilalui sebelum sesebuah kenderaan itu



dapat dibekalkan kepada pelanggan iaitu:

1. Bahagian Pembekalan akan membuat pesanan kepada pembekal setelah menerima borang pesanan daripada Kementerian Kewangan.
2. SPANCO menetapkan tanda aras setiap pesanan mesti diproses dalam tempoh 24 jam setelah diterima.
3. Pembekal akan mengagihkan nombor enjin dan casis bagi setiap borang pesanan yang diterima.
4. SPANCO kemudiannya akan memberikan borang pesanan kenderaan dari Kementerian Kewangan tersebut bersama dengan nombor enjin dan casis untuk dihantar ke Jabatan Kastam bagi pengecualian cukai.

5. Seterusnya dokumen-dokumen itu dihantar pula ke JPJ untuk pendaftaran dan Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) untuk lesen sewa pandu.

Justeru, pelanggan harus memahami proses-proses itu untuk memudahkan mereka mendapatkan kereta yang dipesan secepat yang mungkin.

Kepada pembekal pula, Encik Suhaimi berpesan supaya mereka dapat membekalkan kereta dengan kadar segera dan berharap kualiti kereta terutama Proton Perdana dapat dipertingkatkan lagi pada masa-masa hadapan.

OPS TERKINI SECARA PURATA TUNJUK PENCAPAIAN

OPS Sikap XI untuk musim perayaan Hari Raya dan Deepavali pada tahun ini secara purata menunjukkan sedikit pencapaian. Seperti juga tahun lepas, Ops Sikap XI diadakan selama 15 hari mulai 27 Oktober hingga 10 November 2006. Kadar kematian tahun ini kurang lima mangsa berbanding tahun lepas dan jika diambil kira peningkatan jumlah kenderaan di jalan raya pada tahun ini, ia boleh dianggap satu kejayaan.

Kematian

Pada Ops Sikap tahun ini, seramai 228 orang mangsa maut dalam kemalangan berbanding 233 orang dalam tempoh yang sama pada tahun lepas. Manakala bilangan kenderaan pula telah meningkat sebanyak 15.5 juta pada tahun ini berbanding 14.7 juta pada tahun lepas.

Menurut Ketua Polis Trafik Persekutuan Senior Asisten Komisioner II (SACII) Nooryah Mohamed Anvar, kadar kematian semasa

berlangsung kempen Ops Sikap adalah lebih rendah berbanding hari-hari biasa. Purata adalah antara 18 hingga 22 kematian setiap hari biasa dan 24 hingga 26 pada hujung minggu. Sementara semasa 15 hari Ops Sikap XI dilaksanakan ialah 17 kematian sehari.

Kebanyakan kemalangan maut semasa Ops Sikap tahun ini adalah disebabkan oleh kenderaan tergelincir iaitu seramai 62 kematian. Selebihnya ialah menukar lorong tanpa memberi amaran (42 kematian) dan memasuki lorong kenderaan lain (28 kematian).

Jalan persekutuan mencatatkan nisbah kematian paling tinggi dengan 43.5%, jalan negeri 24.5%, jalan bandaran 16.2%, jalan-jalan lain 10.2% dan lebuh raya 5.6%. Kawasan yang paling ramai kematian ialah di Klang, Selangor dengan 9 kematian, Johor Bharu Selatan dengan 8 kematian dan Kuala Lumpur 7 kematian.

Kebanyakan kemalangan maut melibatkan penunggang motosikal

yang mencatatkan 152 daripada 228 kematian untuk Ops Sikap XI tahun ini. Angka penunggang motosikal yang malang ini melebihi jumlah 141 kematian yang dicatatkan semasa Ops Sikap IX tahun lepas.

Menurut statistik tahun ini lagi, angka kematian paling tinggi yang dicatatkan dalam sehari ialah 22 berbanding 29 pada tahun lepas. Tiada kemalangan menyedihkan

Tiada kemalangan menyedihkan yang melibatkan keluarga yang besar atau bas yang membawa ramai penumpang berlaku pada tahun ini.

yang melibatkan keluarga yang besar atau bas yang membawa ramai penumpang berlaku pada tahun ini.

Kemalangan dan Saman

Bagaimanapun jumlah kemalangan yang dicatatkan pada Ops Sikap XI tahun ini ialah sebanyak 15,716 berbanding 13,659 pada tahun lepas. Kebanyakan kemalangan masih lagi berlaku di jalan bandaran pada kadar 38.7%. Ini diikuti oleh jalan persekutuan pada 28% dan jalan negeri pada 17.6%.

Jumlah saman yang dikeluarkan sepanjang Ops Sikap XI berjumlah 140,936 semuanya dengan hampir separuh daripada jumlah ini adalah untuk kesalahan memandu laju. Sebagai perbandingan, sebanyak 144,824 saman dikeluarkan untuk Ops Sikap IX pada 2005.

Faktor Penyumbang

Memang tidak dapat dinafikan selepas melihat angka pada tahun



WASPADALAH... Motosikal paling kerap terlibat dalam kemalangan termasuk yang meragut nyawa berbanding kenderaan jenis lain.

Statistik secara ringkas

	Ops Sikap XI	Ops Sikap IX
Kematian	228	233
Penunggang motosikal yang maut	152	141
Kematian paling tinggi sehari	22	29
Kemalangan	15,716	13,659
Saman	140,936	144,824
Kenderaan	15.5 juta	14.7 juta

(Sumber: Cawangan Trafik, Bukit Aman)



ini bahawa Ops Sikap XI telah menunjukkan keberkesanan berbanding tahun lepas. Menurut SAC Nooryah, penyumbang utama peningkatan keberkesanan Ops Sikap ialah 'perang saraf' yang dilakukan.

Antara langkah-langkah pencegahan kemalangan maut yang diadakan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) ialah meningkatkan rondaan, meletakkan anggota trafik di persimpangan lampu isyarat untuk memastikan pengguna mematuhi peraturan jalan raya dan juga membekukan cuti bagi 5,554 anggota trafik sepanjang perayaan Deepavali dan Hari Raya Aidilfitri.

PDRM juga telah bekerjasama dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) melalui siaran radio mereka untuk menyampaikan nasihat kepada para pengguna jalan raya yang beragama Islam supaya berhati-hati semasa menyambut Aidilfitri.

Selain itu, pihak PDRM juga telah menghantar para pegawai mereka untuk menaiki bas penumpang secara rambang bagi memastikan pemandu kenderaan awam ini tidak memandu laju atau memandu secara bahaya.

Langkah menjalankan ujian dadah secara rambang untuk para pemandu bas, penunggang motosikal dan kereta juga membantu mencegah kemalangan daripada berlaku. Dalam ujian air kencing yang dijalankan, seramai 113 pengguna jalan raya daripada 3,628 orang yang diuji telah didapati menyalahgunakan dadah seperti ganja (58 orang), syabu (14 orang), heroin (5 orang), *methamphetamine* (28 orang) dan *morphine* (8 orang). Kebanyakan pesalah adalah dari negeri Terengganu (12

orang), Kelantan (11 orang) dan Selangor (11 orang) dengan purata umur antara 16 hingga 26 tahun. Penunggang motosikal adalah majoriti seramai 73 orang, selain 18 orang pemandu kereta, 17 pemandu bas dan 5 orang pemandu lori.

SAC Nooryah berkata sejak kejayaan ujian dadah secara rambang yang dilakukan semasa Ops Sikap, ujian yang sama akan terus diadakan sepanjang masa.

Pengurangan Nahas Akan Datang

Bagi membantu penunggang motosikal mengurangkan kadar kemalangan maut, lebih banyak laluan motosikal perlu dibina memandangkan bilangan pengguna motosikal semakin bertambah. Mereka sering menggunakan laluan kecemasan dan kadang kala melanggar

kenderaan yang sedang berhenti.

Untuk meningkatkan kecekapan pengawasan pula, sebanyak 500 hingga 700 buah kamera perlu diletakkan di jalan-jalan strategik bagi memudahkan pihak polis melaksanakan tugas mereka memandangkan tahap kekurangan anggota trafik yang ada sekarang.

Menyentuh tentang sumber tenaga, seramai 10,000 orang anggota trafik diperlukan untuk mengawal keadaan dengan berkesan. Pada masa ini terdapat 15 juta kereta di jalan raya dan anggota trafik hanyalah seramai 5,000 orang sahaja.

Penurunan had laju dan kaedah-kaedah lain yang pernah dilaksanakan seperti ujian dadah perlu diteruskan sekiranya didapati berkesan. Diharapkan penurunan kadar kematian dapat dikekalkan pada kempen-kempen yang akan datang.

8 PERATURAN PENTING KESELAMATAN

1. Rancang perjalanan anda.
2. Sentiasa patuhi had laju yang ditetapkan.
3. Beri isyarat dan patuhi semua peraturan jalan raya semasa bertukar laluan.
4. Sentiasa patuhi peraturan jalan raya di simpang jalan terutama berhenti pada lampu isyarat merah atau kuning.
5. Jangan mengikut kenderaan hadapan terlalu rapat.
6. Jangan memotong jika teragak-agak.
7. Jangan memotong baris atau menyalahgunakan laluan kecemasan.
8. Elak daripada mencelah-celah antara kenderaan.

Pesanan daripada Kementerian Pengangkutan Malaysia dan Jabatan Keselamatan Jalan Raya

MENGURANGKAN KERUGIAN SETELAH KEMALANGAN

MALANG bermaksud sesuatu yang menimpa jika kita tidak bernasib baik dan selalunya dikaitkan dengan keadaan yang di luar kawalan. Pepatah ada menyebut, 'malang tidak berbau'.


Bagi kebanyakan pengurus fleet pula, kemalangan jalan raya adalah sebahagian dari lumrah yang dihadapi mungkin hampir setiap hari. Kadar kemalangan meningkat

seiring saiz fleet yang dikendalikan iaitu lebih besar jumlah kenderaan maka lebih besar juga kebarangkalian kemalangan akan berlaku.

Namun sebenarnya ia boleh dielak atau setidak-tidaknya dikurangkan jika kita bersedia menjadikan keselamatan sebagai amalan dalam organisasi dan hidup kita. Seterusnya kerugian akibat kemalangan juga dapat dikawal dan diminimumkan.

LANGKAH HADAPI KEMALANGAN

- **BERHENTIKAN KENDERAAN** - Selamatkan dan lindungi mangsa yang tercedera.
- **KENDERAAN LAIN** - Segera dapatkan nama, umur, alamat, nombor telefon pemandu, nombor pendaftaran dan model kenderaan serta nama syarikat insurans tuan punya kenderaan. Pastikan anda mencatatkan butiran pejabat, jika kenderaan terbabit adalah hak pengurusan pejabat.
- **KETERANGAN DIRI** - Berikan butir diri anda seperti nama dan nombor pendaftaran kenderaan kepada pihak yang terbabit dalam kemalangan. Jika polis membantu di tempat kemalangan, berikan butiran itu kepada mereka. Dapatkan juga butiran polis berkenaan seperti nama, pangkat, nombor anggota dan alamat balai anggota polis itu bertugas.
- **SAKSI** - Dapatkan senarai nama dan alamat saksi dalam kemalangan itu.
- **POLIS** - Patuhi semua arahan yang diberi oleh polis.
- **JANGAN BERBINCANG HAL KEMALANGAN** - Kecuali dengan polis, wakil ejen insurans anda dan pihak SPANCO.
- **SEGERA HUBUNGI SPANCO** - Hubungi talian **BEBAS TOL 1-800-88-6999** untuk mendapat bantuan dan khidmat nasihat.
- **LAKARAN KEMALANGAN** - Lakarkan punca dan keadaan kemalangan. Catatkan tarikh, masa dan nama jalan.
- **LAPORAN** - Buat laporan polis dalam tempoh 24 jam.



CONTOH... Lakaran kemalangan semasa membuat laporan polis.

Setiap kemalangan yang berlaku boleh mengajar kita apa yang patut atau tidak patut dilakukan untuk mengelak perkara yang sama berulang. Satu garis panduan untuk pemandu wajar disediakan supaya mereka tahu apa yang perlu dibuat sekiranya kemalangan terjadi.

GARIS PANDUAN

Pemandu kenderaan bagi jabatan atau Kementerian sebaiknya diberikan garis panduan yang jelas

Melalui garis panduan yang lengkap itu, sesebuah organisasi boleh menghindar daripada menerima tuntutan daripada pihak lain yang terbabit.

tentang langkah yang mereka patut ambil jika terlibat dalam kemalangan. Arahan sebegini tidak boleh dipandang ringan kerana kemalangan tidak boleh dijangka bila akan berlaku.

Kebiasaannya ialah apabila sesebuah kenderaan ditugaskan kepada pemandu, mereka hanya diberikan kunci dan kadangkala terpaksa mencari sendiri kenderaan itu di tempat letak kereta.

Sebaiknya pemandu ditunjukkan di mana kenderaan diletakkan dan mereka perlu diberi buku panduan

yang menyatakan dasar dan tatacara pemandu. Mereka perlu tahu tentang tindakan asas yang wajib dilaksanakan jika berlaku kerosakan atau kemalangan.

Peralatan kecemasan kenderaan yang dibekalkan juga perlu ditunjukkan kepada pemandu. Mereka hendaklah dibimbing dalam penggunaan peralatan itu.

Di samping itu pengurus fleet boleh mencadangkan supaya diadakan 'kad langgar' iaitu satu borang laporan kemalangan yang tersedia di dalam setiap kenderaan dan diisi sekiranya berlaku sebarang kerosakan akibat pelanggaran.

TINDAKAN PEMANDU

Pemandu juga perlu diberi tunjuk ajar tentang perilaku mereka dalam menghadapi kemalangan. Perlu diingatkan bahawa pemandu adalah wakil pertama jabatan atau Kementerian dalam mempertahankan harta organisasi di tempat kemalangan berlaku.

Melalui garis panduan yang lengkap itu, sesebuah organisasi boleh menghindar daripada menerima tuntutan daripada pihak lain yang terbabit.

Setiap pemandu disarankan membawa kit laporan kemalangan seperti:

1. kamera untuk mengambil gambar kemalangan – gambar foto memberikan bukti

yang lebih jelas dan meyakinkan berbanding laporan yang berjela.

2. pita pengukur untuk mengukur dan mencatat jarak antara kenderaan di tempat kejadian.
3. borang laporan kemalangan.

Perkara penting yang perlu dalam laporan kemalangan ialah:

- lokasi kemalangan
- susun atur jalan raya
- jumlah penumpang yang terlibat, dan
- kerosakan yang berlaku sama ada terhadap kenderaan yang dipandu atau kenderaan lain.

Setiap pemandu perlu mematuhi garis panduan dan membawa kit kelengkapan yang diperlukan. Mereka yang mempunyai pengetahuan asas cara menangani kemalangan akan menjadi lebih berhemah, yakin dan profesional dalam menghadapi situasi cemas.

Seterusnya, selain dapat meredakan ketegangan di tempat kejadian, kemungkinan litigasi akibat tersilap menangani keadaan turut dapat dibendung.

BELAJAR DARIPADA KESILAPAN

Sesebuah organisasi mahupun jabatan perlu berusaha untuk mengelakkan kemalangan yang sama daripada berlaku lagi. Setiap kemalangan patut dikaji secara terperinci untuk mengenal pasti trend, melaksanakan langkah pencegahan dan juga mengurangkan risiko akan datang.


Faedah yang diperoleh daripada melaksanakan semua langkah tersebut adalah sangat besar termasuk daripada segi mengurangkan kecederaan atau kematian selain kos penyenggaraan kemalangan. Pemandu digalakkan melaporkan apa jua kemalangan termasuk yang nyaris berlaku kerana kita semua boleh mengambil iktibar dan pengajaran daripada setiap kejadian.



BAWA BERTENANG... Pemandu yang mempunyai pengetahuan asas cara menangani kemalangan akan menjadi lebih berhemah, yakin dan profesional.

MENGEKORI TERLALU RAPAT MENGUNDANG BAHAYA

DUA SAAT... Itulah tempoh masa yang diperlukan bagi seseorang pemandu untuk mula bertindak sebaik sahaja mengesan bahaya di hadapan.



RAMAI pemandu tentu pernah mengalami kenderaan mereka diekori dengan terlalu rapat. Ia bukan sahaja mengganggu kita malah kadangkala menyebabkan kemalangan yang sebenarnya boleh dielakkan.

Dianggarkan satu perempat daripada pemandu di jalan raya mengekori kenderaan di hadapan dengan terlalu rapat. Mengikut amalan pemanduan antarabangsa dan yang diamalkan di negara ini, para pemandu seharusnya meninggalkan jarak selama dua saat di antara kenderaan yang mereka pandu dengan kenderaan di hadapan di jalan raya yang laju.

Dalam cuaca buruk seperti waktu hujan, jarak ini perlu dipanjangkan lagi sehingga dua kali ganda. Namun berapa ramai pemandu yang mematuhi amalan bijak ini?

Mereka yang mengekori terlalu rapat tergulung dalam dua kategori iaitu pemandu yang tidak sedar yang mereka sebenarnya telah berbuat demikian dan kumpulan

kedua iaitu pemandu yang sedang mencuba untuk memotong kenderaan di hadapan mereka.

Bagi kumpulan pertama, mereka harus berwaspada dan menyedari suasana jalan raya di mana mereka memandu. Jika mereka memandu secara lali, lambat laun mereka akan melanggar kenderaan di hadapan.

Sementara itu, golongan pemandu yang cuba memotong kenderaan lain pula sering berhadapan dengan masalah kenderaan di depan dipandu secara perlahan. Ada di kalangan kita yang tidak prihatin dan memandu di lorong tengah atau lorong laju pada kelajuan yang perlahan sehingga mengganggu arus lalu lintas.

Justeru pendidikan dan pelaksanaan undang-undang diperlukan bagi mereka yang mengekori terlalu rapat dan juga mereka yang memandu pada lorong yang tidak sesuai dengan kelajuan kereta mereka.

Peraturan Dua Saat - cara mudah menentukan jarak yang sesuai di antara kenderaan:

- Gunakan tanda statik yang senang dilihat di jalan raya seperti tiang lampu, papan tanda atau pokok.
- Selepas kenderaan di hadapan anda melepasi tanda itu, bahagian hadapan kereta anda sepatutnya sampai ke tanda yang sama dalam masa tidak kurang daripada dua saat atau lebih.
- Tempoh dua saat boleh dianggar dengan menghitung, 'satu ribu dan satu... satu ribu dan dua...' Ini mengambil masa lebih kurang dua saat untuk menyebutnya.
- Anda perlu mengekalkan jarak yang lebih jauh dalam cuaca buruk.

GANGGUAN PERHATIAN

– penyebab utama kemalangan

LIHAT DI HADAPAN... Satu dalam lima kemalangan kereta yang dilaporkan di Australia berpunca dari pemandunya yang mengalihkan perhatian.



TUMPUAN yang tidak berbelah bagi terhadap pemanduan dan apa yang ada di hadapan adalah amat penting bagi seseorang pemandu untuk mengelakkan kemalangan daripada berlaku. Memang tidak dapat dinafikan kadangkala pemandu menghadapi kesukaran kerana pemandangan di sepanjang perjalanan terlalu menarik perhatian mereka.

Satu kajian di Australia yang disiarkan dalam jurnal *Injury Prevention* telah menunjukkan bahawa satu dalam lima kemalangan kereta disebabkan oleh pemandu mengalihkan perhatian mereka. Manakala laporan *Fleet NewsNet* pula memetik sebuah kaji selidik yang menyatakan bahawa pengalihan perhatian pemandu seperti melihat mercu tanda dan pemandangan yang menarik menyebabkan mereka hilang penumpuan dan terjadinya kemalangan.

Satu kajian lain di negara tersebut turut mendedahkan:

- 72% pemandu akan menunjukkan tanda-tanda hilang tumpuan semasa memandu;
- 69% akan membetulkan peralatan di dalam kenderaan semasa memandu;
- 58% hilang tumpuan akibat kejadian, objek atau orang di persekitaran, dan
- 40% berborak dengan penumpang.

Kajian yang sama juga mendapati

pemandu berumur 18-30 tahun lebih cenderung untuk mengalih perhatian semasa memandu berbanding pemandu yang lebih berusia. Oleh sebab golongan ini menganggap kelakuan demikian sebagai tidak berbahaya, maka mereka sering kemalangan akibat gangguan luar.

Sementara di negara kita Malaysia pula, antara perkara yang sering diperhatikan sebagai mengalih perhatian para pemandu ialah:

- mencari rokok semasa memandu
- memasang tali keledar semasa memandu
- mendisiplinkan penumpang kecil seperti anak-anak mereka
- mencari wang kecil ketika menghampiri tol atau pondok tempat letak kereta
- cuba menutup pintu sebelah penumpang
- mencari sesuatu di dalam tempat letak barang hadapan
- membetulkan jam
- menanggalkan jaket
- membaca peta ketika memandu

Semua perkara yang dinyatakan di sini boleh dielakkan jika pe-

Pastikan kedudukan tempat duduk, tali keledar, pintu dan cermin sisi berada dalam posisi yang sesuai sebelum memulakan pemanduan.

mandu merancang terlebih dahulu perjalanan mereka. Pastikan kedudukan tempat duduk, tali keledar, pintu dan cermin sisi berada dalam posisi yang sesuai sebelum memulakan pemanduan. Jika anda sedang dalam perjalanan, berhenti terlebih dahulu di tepi jalan dan betulkan apa jua gangguan yang ada supaya pemanduan anda lebih selesa dan selamat.

GARIS PANDUAN PENGGUNA

Jalan Raya Dalam Situasi Jerebu

CUACA berjerebu menyebabkan penglihatan menjadi kelabu. Ikuti panduan yang disarankan oleh Kementerian Pengangkutan Malaysia dalam menghadapi suasana jerebu yang sering melanda negara kita.



1. PASANGKAN LAMPU

Pasangkan lampu kecil apabila jarak penglihatan turun daripada paras biasa. Pasangkan lampu utama apabila jarak penglihatan turun secara mendadak. Jangan gunakan lampu tinggi kerana jerebu membalikkan cahaya dan akan memburukkan keadaan.

6. KENDERAAN ROSAK

Berhenti di tempat yang tidak menghalang lalu lintas. Hubungi pihak lebuhraya atau polis supaya ianya dapat ditarik ke kawasan yang selamat dengan segera.

2. KURANGKAN KELAJUAN

Perlahankan kenderaan supaya sempat berhenti apabila berlaku kecemasan.



7. WARGA EMAS

Warga emas dinasihatkan tidak memandu dalam keadaan jerebu.



3. JAGA JARAK ANTARA KENDERAAN

Pemandu harus mengekalkan jarak yang selamat antara kenderaan di hadapan supaya mempunyai ruang yang mencukupi untuk berhenti sekiranya ada situasi bahaya di hadapan.

8. PENGUMUMAN TRAFIK DI RADIO DAN PAPARAN IKLAN ELEKTRONIK

Pemandu dinasihatkan agar mendengar pengumuman trafik di radio dan juga mesej di paparan iklan elektronik untuk mendapatkan maklumat terkini berhubung keadaan trafik di kawasan yang dilalui.

4. JANGAN BERHENTI DI TEPI JALAN

Berhenti di tempat yang disediakan seperti di perhentian atau kawasan rehat dan rawat. Pasangkan lampu kecil untuk keselamatan.

9. PERINGATAN KHAS UNTUK PENGGUNA MOTOSIKAL

Selain daripada panduan di atas, pengguna motosikal dinasihatkan supaya memakai pakaian yang berwarna cerah dan topi keledar yang mempunyai pelekat bersinar bagi meningkatkan kebolehlihatan serta memakai penutup muka.

5. BERHATI-HATI APABILA MENGAMBIL SIMPANG ATAU MEMOTONG KENDERAAN

Pasang lampu isyarat dan pastikan ianya selamat sebelum masuk ke simpang atau memotong kenderaan.

10. PERINGATAN KEPADA PENGGUNA MOTOKAR

Jangan pasang lampu kecemasan (*hazard light*) semasa memandu kerana ianya mengelirukan pemandu lain. Lampu kecemasan hanya digunakan apabila kenderaan BERHENTI di tepi jalan semasa berlaku kecemasan.

Sumber: Jabatan Keselamatan Jalan Raya, Kementerian Pengangkutan Malaysia

HINDARI KECURIAN KERETA



KECURIAN... Penjenayah terutama pencuri amatur sentiasa mencari peluang daripada kelalaian kita.

BERTINDAK sebelum kena. Untuk mengurangkan risiko kecurian kereta, pemandu dan pemilik dinasihatkan mengambil langkah berjaga-jaga seperti berikut:

Elakkan meletak kereta di kawasan gelap, di lorong sunyi, di bawah jambatan, di antara dua lori besar, di belakang tembok dan di tempat kereta tanpa pengawal.

- Apabila mengunci kereta menggunakan penggera kawal jauh, pastikan setiap pintu dikunci kemas dengan cara cuba membukanya sendiri secara manual.
- Selain menggunakan *immobiliser*, mengunci stereng dan gear dengan cara biasa juga boleh mencegah pencuri yang

mengambil kesempatan dari-pada kelalaian kita semua.

- Melakukan *sand-blasting* nombor pendaftaran pada cermin tingkap.
- Pilih bengkel yang dipercayai bagi kerja-kerja pen-yenggaraan atau pembaikan.
- Sentiasa matikan enjin dan bawa kunci bersama setiap kali keluar daripada kenderaan walaupun sebentar.
- Camkan wajah dan nama joki kereta apabila menyerahkan kunci anda kepada mereka.
- Elakkan meletak kereta di kawasan gelap, di lorong sunyi, di bawah jambatan, di

antara dua lori besar, di-belakang tembok dan di tempat kereta tanpa pengawal.

- Jika terpaksa meninggalkan kereta selama beberapa hari tanpa dijaga, tanggalkan bateri dan kunci stereng dengan kunci tambahan.
- Elakkan menyimpan dan meninggalkan barangan berharga serta dokumen penting dalam kereta yang diletakkan di tempat awam.

Kebanyakan kecurian kereta secara terancang dipercayai didalangi oleh sindiket curi kereta. Namun bagi kes yang membabitkan pencuri amatur dan individu, kita semua boleh bersama-sama mem-bendungnya dengan sentiasa mengamalkan langkah berwaspada.

JIKA ADA PELANGGAN SPANCO MENDAPATI KERETA MEREKA DICURI

Tindakan yang anda perlu lakukan:

1. Segera hubungi SPANCO melalui talian bebas tol 1-800-88-6999.
2. Buat laporan polis dalam masa 24 jam.

Tindakan pihak polis:

1. Melakukan siasatan sebaik sahaja menerima aduan kecurian.
2. Laporan Siasatan Polis (PIO) yang menjelaskan hasil siasatan akan dikeluarkan dalam tempoh 3-6 bulan.

Tindakan pihak insurans:

1. Menulis kepada Ketua Siasatan Jenayah Daerah untuk mendapatkan laporan PIO.
2. Membuat bayaran ganti rugi hanya setelah menerima PIO.



PENGLIHATAN Yang Jelas Penting Untuk Pemanduan Yang Selamat

KACA MATA... Pemandu yang memerlukan cermin mata atau kanta lengkap untuk melihat dengan baik mesti mengenaikannya setiap kali memandu.

MATA adalah deria utama yang digunakan semasa memandu. Tanpa penglihatan yang baik, memandu kenderaan menjadi satu aktiviti yang membahayakan bukan sahaja kepada pemandu malah pengguna jalan raya yang lain.

Namun demikian, dianggarkan hampir sejuta daripada 10 juta pemandu berdaftar di Malaysia mempunyai masalah untuk melihat dengan baik. Keadaan ini dipercayai antara punca meningkatnya kadar kemalangan saban tahun.

Penyakit katarak misalnya memberi kesan kepada pemandu pada waktu malam di mana menyebabkan penglihatan yang silau apabila melihat cahaya terang. Soalnya sekarang ialah berapa ramai daripada pemandu kita yang menyedari tentang masalah itu serta adakah mereka melakukan pemeriksaan mata yang kerap demi keselamatan diri dan orang lain?

TAHAP PENGLIHATAN PEMANDU MALAYSIA

Menurut Ketua Optometris Jabatan Optometri, Fakulti Sains Kesihatan Bersekutu, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr. Haliza Abdul Mutalib berkata, selain daripada sikap pemandu dan prasarana yang ada di negara ini, tahap penglihatan juga sama penting dalam memastikan keselamatan jalan raya Malaysia.

Kenyataan beliau di dalam akhbar *Utusan Malaysia* dipetik sebagai berkata bahawa antara syarat pemegang lesen memandu ialah memiliki tahap penglihatan sekurang-kurangnya 6/10 pada Carta Snellen. Namun satu kajian yang melibatkan 4,000 responden menunjukkan lebih 8.37 peratus pemandu tidak memiliki tahap penglihatan yang memuaskan menurut carta itu.

Kajian tersebut dilakukan oleh UKM dengan kerjasama Jabatan Pengangkutan Jalan, Jabatan Keselamatan Jalan Raya dan Persatuan Pakar Optik Malaysia.

Daripada statistik di atas, dianggarkan lapan daripada 100 kenderaan di jalan raya Malaysia dipandu

oleh mereka yang tidak lulus syarat minimum tahap penglihatan pemanduan. Keupayaan melihat kereta rosak atau kemalangan yang berlaku pada jarak sekurang-kurangnya 100 meter akan terjejas dan mungkin pemandu tidak sempat memperlahankan kenderaan atau menukar lorong untuk mengelak.

PEMERIKSAAN MATA

Tahap penglihatan yang merosot



JANGAN LUPA... Pemeriksaan mata perlu dilakukan setiap tahun.

berlaku tanpa disedari oleh kita dan bukan terjadi secara tiba-tiba. Disyorkan bahawa pemeriksaan mata dilakukan setiap tahun bagi memastikan penglihatan yang sempurna. Pemeriksaan mata juga membolehkan doktor mata mengetahui penyakit lain yang sukar dikesan dalam keadaan biasa.

Antara penyakit mata yang diketahui umum ialah glaukoma dan katarak tetapi penyakit seperti diabetes dan penyakit berkaitan umur lain jika tidak dikenal pasti dan dirawat akan memudaratkan penglihatan dan menyebabkan seseorang tidak boleh memandu dengan selamat.

Terdapat juga individu yang sepatutnya memakai cermin mata tetapi tidak menggunakannya semasa memandu. Tindakan mereka ini cukup membahayakan diri dan juga para pengguna jalan raya yang lain.

Keadaan bertambah buruk lagi semasa hari hujan dan ramai

pemandu didapati terpaksa mem-berhentikan kenderaan di tepi jalan bukan kerana masalah pengelap cermin yang tidak berfungsi tetapi kerana masalah penglihatan. Pemandu yang mempunyai penglihatan yang baik sepatutnya boleh meneruskan perjalanan seperti biasa ketika hujan.

FAKTA MENARIK TENTANG MATA

- Mata mempunyai lebih dua juta bahagian yang bekerja.
- Bola mata orang dewasa berukuran diameter 2.5cm.
- Hanya satu per enam daripada kawasan permukaan bola mata terdedah.
- Orang biasa berkelip purata 12 kali seminit.
- Sayuran berwarna kuning dan hijau seperti jagung manis dan brokoli amat baik untuk kesihatan mata.
- Burung helang boleh melihat seekor arnab dari jarak 1.6 kilometer.
- Orang biasa hanya mampu melihat arnab daripada jarak 500 meter.
- Buta warna lebih kerap berlaku di kalangan lelaki iaitu 8% daripada bilangan penduduk lelaki.
- Presbyopia adalah kehilangan keupayaan mata untuk melihat objek yang dekat. Ia adalah sebahagian daripada proses penuaan dan melibatkan mereka yang berumur 40 tahun ke atas.

PETUA MELIHAT DENGAN BAIK



BETULKAN...
Pastikan cermin sisi dan belakang berada pada kedudukan yang sesuai sebelum memandu.

TINGKATKAN daya dan medan penglihatan anda semasa memandu. Sebelum memandu, pastikan anda:

- ✓ Sesuaikan tempat duduk supaya dapat melihat ke depan, sisi dan belakang dengan sempurna.
- ✓ Pastikan air pencuci cermin hadapan sentiasa mencukupi.
- ✓ Sentiasa memeriksa lengan dan getah pengelap cermin untuk mengesan tanda rosak atau lusuh. Ganti jika sudah tidak

berkesan lagi seperti meninggalkan jalur kotoran atau berbunyi apabila digunakan.

- ✓ Pastikan lampu hadapan bersih kerana habuk atau kotoran yang melekat padanya akan mengurangkan penglihatan anda.
- ✓ Jika memakai cermin mata, pastikan kedua-dua kanta bersih.
- ✓ Ketika memilih cermin mata hitam atau yang berwarna, ambil kira tinta yang terdapat pada

cermin kereta anda kerana gabungan kedua-duanya boleh mengurangkan daya penglihatan ketika memandu.

- ✓ Sebaik-baiknya pilih cermin mata yang berbingkai tepi yang nipis kerana bingkai tebal, walaupun nampak bergaya tetapi boleh menghalang penglihatan terutama ketika memandu.
- ✓ Pandang cermin sisi dan belakang serta panel peralatan dari semasa ke semasa ketika memandu.
- ✓ Pastikan semua cermin termasuk lampu dan panel peralatan, bersih dan berfungsi sempurna. Lap sebelah luar dan sebelah dalam cermin depan, belakang serta tingkap apabila mencuci kereta.
- ✓ Elakkan memandu waktu malam dan cuaca buruk jika anda rabun malam atau mempunyai kesukaran melihat dalam cahaya malap.

PENJAGAAN TAYAR YANG MUDAH DAN BERKESAN

Tayar adalah salah satu bahagian terpenting pada kenderaan, bagaimanapun penjagaannya sering diabaikan pemandu

BAYANGKAN kereta anda sedang bergerak lancar di lebuh raya. Hanya sebuah komponen sahaja yang memisahkan anda dan permukaan jalan iaitu keempat-empat tayar kereta anda.

Jika salah satu darinya tidak mencengkam dengan baik atau pecah, nyawa anda dan penumpang pasti akan terancam kerana kemalangan mungkin terjadi akibat haluan kereta terpesong atau terbabas.

Justeru penjagaan tayar sangat penting dan perlu diamalkan oleh setiap pemandu. Walaupun direka untuk penggunaan lasak, tayar akan cepat rosak jika diabaikan. Tayar yang botak, bocor, kempis atau terlebih angin boleh membahayakan anda dan ramai pengguna jalan raya yang lain.

Tiga perkara perlu diberi perhatian pada tayar bagi menjamin keselamatan iaitu tekanan angin, corak haus dan penjagaan.

TEKANAN ANGIN

Tahap tekanan angin optimum untuk sesuatu jenis tayar sudah ditetapkan pengeluar bagi mendapatkan prestasi yang terbaik. Bergantung pada model, maklumat tekanan angin yang betul terdapat pada manual, tempat penutup tangki minyak atau di tepi pintu kereta sebelah pemandu.

Tekanan angin yang salah boleh merosakkan tayar sehingga tidak boleh dibaiki lagi. Penjagaan yang rapi mampu memanjangkan hayat tayar seterusnya menjimatkan perbelanjaan.

Jika tayar kurang angin:

- menghasilkan geseran dan

haba berlebihan akibat permukaan bersentuh yang lebih lebar.

- bahu tayar cepat haus.
- kemampuan cengkaman tayar terhakis dengan cepat.
- stereng menjadi berat dan sukar dikawal.
- tayar cepat rosak.
- boleh pecah ketika kenderaan bergerak.
- penggunaan petrol meningkat.

Jika tayar terlebih angin:

- permukaan tengah tayar cepat haus.
- pemanduan yang tidak selesa.
- cengkaman kurang.
- stereng menjadi ringan sehingga kenderaan sukar dikawal.
- tayar lebih terdedah kepada kerosakan akibat hentakan.

CORAK HAUS

Keadaan dan corak haus tayar boleh menunjukkan penjagaan yang tidak sempurna selain memberi isyarat mengenai kerosakan pada sistem stereng, gantungan atau brek kenderaan itu.

Periksa tayar sekurang-kurangnya sebulan sekali untuk mengesan corak haus yang luar biasa. Jika dibaiki segera, kerosakan yang lebih teruk dapat dielakkan.

Tidak seimbang

Tayar yang tidak seimbang mengakibatkan bunga cepat haus secara tidak sekata selain boleh merosakkan sistem gantungan. Ketidakeimbangan menyebabkan pemanduan yang ber-

gegar dan tidak selesa seterusnya meletihkan pemandu.

Pengimbangan mesti dilakukan setiap kali tayar dipasang semula setelah diperbaiki dan untuk semua tayar baru.

Tidak sejajar

Bonggol dan lubang di permukaan jalan boleh menyebabkan geometri tayar berganjak dan tidak selari. Bagaimanapun penjajaran tayar juga boleh berubah secara perlahan-lahan di bawah pemanduan biasa.

Lakukan penjajaran tayar sebaik saja anda mengalami masalah berikut:

- Tayar cepat haus dengan corak tidak sekata.
- Stereng menarik ke kiri atau kanan.
- Stereng bergetar.
- Stereng sukar dipusingkan.

Manfaat pengimbangan dan penjajaran sempurna:

- Kawalan lebih mudah dan stabil.
- Perjalanan lebih selesa.
- Kecekapan pada tahap terbaik menghasilkan perbatuan maksimum.

TIP MENJAGA TAYAR

Amalkan panduan mudah bagi memanjangkan hayat tayar:

- Pemeriksaan dan penambahan angin dilakukan ketika tayar sejuk bagi mendapatkan bacaan yang tepat.
- Periksa tekanan angin dengan kerap kerana tayar sentiasa terdedah kepada kebocoran akibat



- benda tajam.
- Pemeriksaan seminggu sekali adalah paling baik.
- Tangani masalah corak haus yang tidak normal dengan segera.
- Tabiat memecut dan membrek secara tiba-tiba akan membotakkan tayar dengan cepat selain meningkatkan penggunaan petrol.
- Lakukan kitaran tayar setiap 10,000km.
- Lakukan pengimbangan tayar apabila membeli tayar baru.
- Apabila memasang tayar baru, gantikan injapnya sekali.
- Periksa penjajaran tayar setiap 20,000km atau enam bulan, yang mana dahulu.
- Jangan abaikan tayar simpanan di dalam but.
- Jangan gunakan tayar jenis radial dan diagonal serentak pada satu gandar.
- Jangan sekali-kali mengempiskan tayar yang sedang panas.
- Memandu dengan tayar yang kempis boleh merosakkan rim dan tayar.
- Ganti tayar sebaik saja kedalaman bunga kurang daripada 1.6mm.
- Kurangkan kelajuan apabila melalui jalan berair.

Mengapa perlu melakukan kitaran tayar?

Oleh kerana bahagian hadapan dan belakang kenderaan mengalami keadaan dan tekanan yang berbeza, tayar depan dan belakang juga haus

secara tidak sama.

Justeru, tayar perlu dikitarkan dari semasa ke semasa supaya:

- Hayat tayar dipanjangkan.
- Kehausan tayar yang tidak seragam dapat dikurangkan.
- Kawalan stereng diperbaiki.

Cara memandu

Pemanduan yang lasak dan kasar seperti memecut atau membrek dengan tiba-tiba menyebabkan tayar cepat botak sekali gus meningkatkan penggunaan petrol. Justeru:



- Pandu dengan cermat dan sentiasa berwaspada.
- Menjangka keadaan jalan di hadapan.
- Menggunakan brek dan meningkatkan kelajuan secara stabil.
- Elak menggeserkan tepi tayar dengan bahu jalan kerana boleh merosakkan tayar.
- Mengambil selekoh dengan laju juga mencepatkan haus tayar.

Mengamalkan penjagaan tayar secara berkala dan pemanduan yang tertib mampu memanjangkan hayat tayar sekali gus keselamatan anda di jalan raya terjamin.



SATU DARI EMPAT TAYAR BERBAHAYA

PERINGATAN! Pemilik fleet dan pemandu disarankan supaya memastikan tayar kenderaan mereka kerap diperiksa bagi mengelakkan kerosakan pada tayar.

Ini berikutan satu kajian di Britain menunjukkan hampir 26% kenderaan memiliki sekurang-kurangnya satu tayar yang mempunyai kedalaman bunga kurang daripada 2mm. Sungguhpun had kedalaman bunga di Britain ialah 1.6mm, para jurutera tayar berpendapat tayar yang mempunyai kedalaman 2mm hanya perlu dipandu 750 kilometer sahaja lagi sebelum sampai ke paras minimum tersebut.

Selain itu 30 daripada 730 kenderaan yang diperiksa didapati menggunakan tayar yang bermasalah termasuk bahu yang sudah lusuh, rosak, merekah dan tertusuk dengan benda tajam. Kajian dilakukan oleh sebuah firma terkemuka dengan kerjasama pengeluar tayar *Goodyear Dunlop*.

Daripada kajian di atas, adalah wajar untuk pemilik fleet dan pemandu menukar tayar kenderaan di bawah pengendalian mereka apabila sampai masanya selain kerap memeriksa keadaan tayar yang sedia ada. Tayar yang baik keadaannya amat penting untuk memastikan pemanduan yang selamat.

HILANG KUNCI MELIBATKAN KOS YANG TINGGI



CANGGIH...
Tahap keselamatan
kereta yang semakin
meningkat secara tidak
langsung membebaskan
pengurus fleet dan
pemandu jika mereka
kehilangan kunci atau
tertinggalnya
di dalam kereta.

KEHILANGAN kunci sama ada tertinggal di dalam kereta atau disebabkan kecuai ini melibatkan kos yang semakin tinggi. Ini kerana kereta yang terkini mempunyai peralatan canggih dan bukannya setakat sebilah kunci biasa seperti dahulu.

Akhir-akhir ini hampir semua kunci kereta baru mempunyai transponder yang mengaktifkan sama ada kunci jarak jauh dan penggera, atau alat yang melumpuhkan sistem penghidup kereta (immobilizer). Bentuknya juga

berbeza antaranya ada yang kelihatan seperti kad kredit atau katrij plastik.

Malah kereta pun sukar untuk dimasuki sama ada dipasang dengan cermin berlapis (laminated), bol yang ketat atau teknologi canggih lain yang direka untuk menghalang pencuri daripada memecah masuk kereta. Ini menyukarkan pemilik sebenar sekiranya mereka tertinggal kunci kereta di dalam kenderaan mereka sendiri.

Anda kini mungkin tidak boleh lagi mendapatkan bantuan daripada bengkel atau stesen minyak berdekatan untuk membantu anda sekiranya tertinggal kunci di dalam kereta. Anda juga tidak dapat menyalin kunci pengganti di tempat membuat kunci yang berdekatan kerana kunci kereta kini semakin canggih.

Dengan tahap
teknologi
keselamatan
dan

kunci kereta yang semakin tinggi, sebarang kesilapan atau kecuai anda kini melibatkan kos yang lebih besar. Berikut adalah satu contoh proses mendapatkan kunci kereta yang baru bagi sebuah kereta jenama terkemuka milik syarikat pengurusan fleet di sebuah negara barat:

1. Pemandu perlu ke pengedar kereta jenama itu untuk memohon kunci baru.
2. Pemilik kereta sebenar, iaitu sebuah syarikat pajak, perlu mengirim faks salinan pendaftaran kereta kepada pengedar dengan surat sokongan meminta pengeluaran kunci gantian.
3. Pengedar kemudiannya perlu memesan kunci daripada pengeluar.
4. Anggaran dua atau tiga hari diambil untuk kunci sampai.
5. Kereta perlu dibawa ke pengedar untuk kunci diprogramkan semula (kereta mungkin perlu ditunda kerana kunci tiada).

Hari ini, kos untuk mendapatkan kunci kereta yang baru dianggarkan mencecah ribuan ringgit. Adalah lebih baik jika anda menyimpan kunci kereta anda dengan lebih berhati-hati bagi mengelakkan kesukaran yang tidak diingini.



Untuk Bantuan Kecemasan, Khidmat Tunda
dan Khidmat Nasihat, sila hubungi kami di

Talian BEBAS TOL
1-800-88-6999

24 JAM

*Lebih 200 pusat servis di seluruh Malaysia
disediakan untuk pelanggan SPANCO.*



PENGURUSAN FLEET PROFESIONAL

▲ Pusat Servis Wilayah - 2

● Pusat Servis Diiktiraf - >200



Tiada gunanya kalau tidak diikat ketat.



Ikut Topi Keledar Anda. Anda Mampu Mengubahnya.